

Pengenalan terhadap Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa dan Islam

Mohd Hisham Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib

Pengenalan

Perkembangan semasa dunia memperlihatkan sengketa kemanusiaan yang berpanjangan, sama ada disebabkan oleh bencana semula jadi, bencana buatan manusia, kacau-bilau politik sehinggakan peperangan dan konflik bersenjata yang mengakibatkan kehilangan nyawa, penderitaan manusia dan kehancuran ekonomi, sumber dan kemanusiaan. Dalam kekalutan kancah kemanusiaan ini, peradaban manusia sedari awal sejarah telah cuba untuk mengurangkan penderitaan dan kehilangan peri kemanusiaan meskipun dalam sengketa bersenjata antara kuasa dan negara. Dalam usaha berterusan mempertahankan peri kemanusiaan ini telah lahir amalan, ajaran, gerakan serta kodifikasi dalam bentuk Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa. Fahaman dan amalan ini lahir dalam pelbagai peradaban manusia termasuk dalam ajaran agama. Penulisan ini memberikan pengenalan terhadap Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa agar dapat dilihat titik pertemuan antara undang-undang tersebut dengan prinsip yang berkaitan dalam Islam. Kesedaran terhadap kewujudan persamaan dan keselarian Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa dan Islam diharap dapat membantu semua pihak dalam mengekalkan dan mempertahankan peri kemanusiaan dalam konflik bersenjata.

I. Apa itu Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa

Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa adalah sebahagian daripada undang-undang awam antarabangsa yang mengawal tindak tanduk pihak dalam konflik bersenjata antarabangsa dan konflik dalaman. Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa, atau dikenali sebagai *jus in bello*, perlu dibezakan daripada *jus ad bellum* atau undang-undang tentang hak untuk berperang. *Jus ad bellum* adalah undang-undang antarabangsa yang memperkatakan berkenaan alasan atau keadaan yang sah untuk melibatkan diri dalam konflik bersenjata¹.

Sedikit berkenaan *jus ad bellum*, secara umumnya Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melarang penggunaan kekerasan bersenjata dalam hubungan antarabangsa kecuali

¹ Abdul Ghafur Hamid@Khin Maung Sein, *Public International Law*, Edisi ke-3, Selangor, Malaysia: Sweet & Maxwell Asia, 2011, hlm 399-404.

untuk pertahanan diri atau setelah diberikan kuasa oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu².

Dalam kata lain, *jus ad bellum* adalah undang-undang yang memberikan jawapan sama ada sah atau tidak untuk berperang, dan *jus in bello*, atau Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa adalah undang-undang yang mengawal perlakuan semasa pihak-pihak sedang berperang, tidak mengira sama ada penggunaan kekerasan bersenjata itu sah atau tidak.

II. Mengapa Perlu Ada Peraturan dalam Konflik Bersenjata

Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa diperlukan untuk menghalang penderitaan tak perlu manusia semasa peperangan, baik pihak berperang, orang dilindungi seperti orang awam, pegawai perubatan, wanita dan kanak-kanak, juga negara berkecuali dan objek awam.

Sememangnya peperangan akan mengakibatkan kehilangan nyawa, harta dan penderitaan kepada semua, bukan hanya kepada pihak berperang. Oleh itu, Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa bertujuan untuk mengehadkan kemudaratan peperangan. Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa terpakai kepada semua pihak tidak mengira siapakah yang memulakan peperangan atau adakah bagi sesuatu pihak peperangan tersebut adalah sah. Keperluan utama adalah mengehadkan kemudaratan perang.

Oleh itu, Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa berusaha menghalang kekejaman sewenang-wenang dan tanpa belas kasihan dengan memberikan perlindungan penting kepada pihak yang terkesan dengan konflik bersenjata.

III. Sejarah Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa

Boleh dikatakan sejak daripada sejarah awal peperangan, manusia mengambil kira keperluan untuk berperikemanusiaan walaupun dalam keadaan manusia berbunuhan dalam mempertahankan diri, meluaskan tanah jajahan atau menyelesaikan pertikaian.

Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa moden yang disepakati bersama di peringkat antarabangsa bermula pada abad ke-19, dari penulisan Henry Dunant, seorang warga Swiss yang telah melihat sendiri penderitaan askar dalam pertempuran di Solferino, Itali. Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa kemudiannya termaktub dalam Konvensyen Geneva 1949.

IV. Sumber Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa

² Lihat Fasal 51 dan Bab 7 Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Prinsip dan peraturan berkenaan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa boleh didapati daripada undang-undang triti dan undang-undang adat antarabangsa. Berkenaan undang-undang triti, rujukan boleh dibuat kepada Konvensyen Geneva 1949 dan Protokol di bawahnya serta triti yang lain. Sebelum Konvensyen Geneva 1949, prinsip dan peraturan had peri laku dalam konflik bersenjata boleh didapati dalam undang-undang adat antarabangsa. Langkah kodifikasi adat tersebut menghasilkan empat Konvensyen Geneva 1949. Konvensyen Geneva Pertama merangkumi perlindungan dan rawatan kepada yang cedera dan sakit dalam konflik bersenjata di darat. Konvensyen Geneva Kedua merangkumi perlindungan dan rawatan kepada yang cedera, sakit dan karam di laut. Konvensyen Geneva Ketiga merangkumi layanan terhadap tawanan perang, dan Konvensyen Geneva Keempat berkenaan perlindungan orang awam. Contoh triti kemanusiaan yang lain adalah Konvensyen Perlindungan Harta Budaya 1954 dan Konvensyen Senjata Biologi 1972.

Prinsip umum undang-undang antarabangsa menyatakan triti hanya mengikat pihak-pihak kepada triti tersebut. Namun, sekiranya peruntukan dalam triti mengkodifikasikan atau mengisytiharkan undang-undang adat antarabangsa, undang-undang dalam peruntukan tersebut turut mengikat negara bukan pihak kepada triti tersebut. Oleh kerana kebanyakan peruntukan triti Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa adalah perisytiharan undang-undang adat antarabangsa, boleh dikatakan negara bukan pihak turut terikat dengan undang-undang yang terkandung dalam triti berkenaan.

V. Apa Kaitan antara Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa dan Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa

Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa merujuk kepada peraturan berkenaan hak individu dan kumpulan di bawah triti dan undang-undang adat antarabangsa. Antara contoh triti berkaitan adalah Waad Antarabangsa Hak Sivil dan Politik 1976, Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita 1979 dan Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989.

Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa dan Undang-undang Hak Asasi Manusia saling melengkapi satu sama lain. Contohnya kedua-dua undang-undang tersebut berusaha untuk menyelamatkan nyawa, melindungi wanita dan pihak yang lemah seperti kanak-kanak serta melarang penderaan. Namun terdapat perbezaan antara kedua-duanya seperti ruang lingkup pemakaiannya dan pihak pelaksana.

Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa hanya terpakai dalam konflik bersenjata sama ada konflik antarabangsa atau dalaman. Undang-undang Hak Asasi Manusia pula

terpakai setiap masa, tidak mengira dalam keadaan aman, peperangan atau konflik bersenjata. Namun begitu terdapat Undang-undang Hak Asasi Manusia yang membenarkan pengurangan hak tersebut semasa darurat seperti semasa konflik bersenjata. Contohnya semasa darurat, dibolehkan negara mengadakan sekatan pergerakan, iaitu pengurangan hak untuk individu bergerak bebas dalam negara atau keluar negara atau mengadakan perhimpunan. Walau bagaimanapun, terdapat hak asasi manusia yang tidak boleh dikurangkan walau apa jua keadaan, seperti larangan penderaan.

Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa terpakai di zon konflik. Ia perlu dipatuhi oleh sesebuah negara yang berperang, dalam wilayahnya dan luar wilayahnya. Sudah semestinya dalam konflik bersenjata antarabangsa, sesebuah negara itu menggunakan kekerasan bukan dalam wilayahnya sahaja. Begitu juga apabila kesan konflik bersenjata dalaman merentasi sempadan negara, Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa terus terpakai. Manakala Undang-undang Hak Asasi Manusia secara umumnya terpakai dalam wilayah sesebuah negara. Walau bagaimanapun, sekiranya sebuah negara menduduki wilayah negara lain, negara tersebut hendaklah mematuhi Undang-undang Hak Asasi Manusia di wilayah berkenaan.

Satu lagi perbezaan utama undang-undang ini adalah ruang lingkup pemakaian substantif undang-undang tersebut. Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa adalah undang-undang khas dalam konflik bersenjata. Oleh itu, ia memberikan takrif dan makna perkara di luar Undang-undang Hak Asasi Manusia, misalnya takrif tawanan perang dan konflik bersenjata antarabangsa. Undang-undang Hak Asasi Manusia pula memberikan takrif dan makna kepada proses demokrasi untuk hak memilih dalam pilihanraya dan kebebasan media. Namun terdapat bidang yang kedua-dua undang-undang ini memberikan prinsip dan peruntukan dan prinsip-prinsip dari kedua-dua undang-undang ini boleh berlawanan antara satu sama lain. Dalam konteks ini, perlu diingati bahawa sebagai undang-undang yang khusus, Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa terpakai untuk keadaan khusus tersebut dan mengatasi Undang-undang Hak Asasi Manusia.

Contoh yang jelas dalam isu undang-undang khusus adalah berkenaan penggunaan kekerasan maut dalam konflik bersenjata. Dalam konflik bersenjata, untuk mencapai matlamat ketenteraan, penggunaan kekerasan maut sudah semestinya dalam perkiraan ketenteraan terhadap tentera musuh dan tidak dilarang dalam Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa. Walaupun Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa mahukan pihak-pihak dalam konflik bersenjata mengelakkan kecederaan kepada orang awam dan memakai prinsip

perkadaran, ia tidak pula melarang pihak-pihak bersengketa daripada menggunakan kekerasan maut dalam mencapai objektif ketenteraan yang sah.

Begitu juga berkenaan prinsip penahanan. Walaupun kedua-dua undang-undang menyediakan peraturan supaya tahanan dilayan secara berperikemanusiaan, proses dan tatacara penahanan tidak sama. Misalnya, terdapat penekanan terhadap larangan penahanan secara pentadbiran tanpa bicara dalam Undang-undang Hak Asasi Manusia. Namun, dalam Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa, penahanan tanpa bicara dibenarkan.

VI. Prinsip Asas Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa

Prinsip-prinsip asas Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa adalah prinsip kemanusiaan, prinsip pembezaan, prinsip perkadaran dan prinsip keperluan ketenteraan. Prinsip kemanusiaan mengkehendaki pihak-pihak bersengketa untuk mengambil kira asas kemanusiaan dalam tindak laku mereka dalam konflik bersenjata. Matlamat ketenteraan tidak seharusnya menenggelamkan nilai kemanusiaan untuk memastikan manusia yang bersengketa tidak mengalami penderitaan yang berlebihan dan berpanjangan. Oleh itu, misalnya, penderitaan yang tidak perlu diakibatkan oleh penggunaan peluru *dum-dum* yang boleh mengakibatkan kecederaan dalam badan yang berlebihan diharamkan mengikut Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa³.

Prinsip pembezaan menggariskan keperluan membezakan orang awam dan penempur, objek awam dan objek ketenteraan. Prinsip ini menekankan kepentingan untuk melindungi orang awam dan objek awam dalam konflik bersenjata. Operasi ketenteraan seharusnya disasarkan kepada objek ketenteraan dan tentera, bukannya kepada orang awam dan objek awam seperti perumahan awam, tempat ibadat dan hospital⁴.

Prinsip perkadaran bertujuan untuk mengehadkan kerosakan yang disebabkan oleh operasi ketenteraan⁵. Oleh itu, kesan daripada pendekatan dan cara perang mestilah berkadar dengan faedah ketenteraan. Operasi ketenteraan yang menyebabkan kerosakan berlebihan terhadap orang awam adalah dilarang.

Prinsip keperluan ketenteraan membenarkan langkah yang perlu untuk mencapai keperluan ketenteraan yang sah⁶. Keperluan ketenteraan yang sah adalah untuk melemahkan keupayaan ketenteraan pihak musuh. Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa mengkehendaki imbalan dibuat antara keperluan ketenteraan dan desakan kemanusiaan.

³ Lihat *Customary IHL Database*, Peraturan 77. <https://ihl-databases.icrc.org/customary-ihl/eng/docindex/home>

⁴ Untuk takrif pasukan tentera, lihat Perkara 43, Protokol Tambahan I.

⁵ Untuk prinsip kehati-hatian, lihat misalnya Perkara 57-58, Protokol Tambahan I.

⁶ Lihat misalnya Perkara 54(5), Protokol Tambahan I.

Daripada prinsip asas Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa ini, boleh difahami prinsip khusus Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa seperti layanan berperikemanusiaan terhadap tawanan perang dan perekrutan serta penggunaan kanak-kanak dalam konflik bersenjata.

Semua orang yang berada di bawah jagaan dan tahanan pihak musuh harus diberikan layanan berperikemanusiaan termasuk tawanan perang. Mereka seharusnya diperlakukan sejajar dengan kemuliaan seorang manusia⁷. Kewibawaan fizikal dan maruah mereka perlu dipelihara dan dijauhi daripada penderaan dan penganiayaan. Tawanan perang harus mendapat perhatian perubatan dan dibenarkan berhubung dengan keluarga. Perekrutan serta penggunaan kanak-kanak dalam konflik bersenjata adalah diharamkan dalam Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa⁸.

VII. Adakah Islam Menetapkan Peraturan dalam Konflik Bersenjata

Nabi Muhammad (s.a.w.) dihantar sebagai pembawa rahmat dari Tuhan kepada seluruh alam, membawa pedoman dan menunjukkan jalan ke arah Redha Tuhan. Baginda (s.a.w.) menerima wahyu yang dibukukan dalam kitab al-Qur'an. Malah ucapan, perbuatan dan pengiaian Baginda (s.a.w.) sendiri membentuk Sunnah yang mengikat Muslim.

Nabi (s.a.w.) telah terbabit dalam beberapa peperangan dan pertempuran. Ada beberapa ayat Qur'an yang turun sebelum, semasa dan selepas pertempuran, memberi perintah dan larangan kepada Nabi (s.a.w.) dan pejuang-pejuang Muslim. Nabi (s.a.w.) sendiri turut terbabit memberi arahan kepada pejuang-pejuang Muslim, menunjukkan kepada umat apa yang mesti atau boleh dilakukan, juga apa yang dilarang, dalam konflik bersenjata.

Islam diturunkan untuk melindungi maruah manusia, memperindahkan akhlak, menjaga hubungan, meningkatkan nilai kemanusiaan, memperbaiki dunia, sebagai rahmat, sehingga dalam hal berperang dan bertempur pun, Islam menetapkan peraturan dan hukum.

Perbincangan berikut adalah dari perspektif Islam tentang layanan terhadap tawanan perang, perlindungan orang awam dan objek awam, dan pembabitan kanak-kanak dalam konflik bersenjata.

VIII. Layanan terhadap Tawanan Perang

Mengambil tawanan perang dibenarkan menurut ayat 47:4:

⁷ Lihat contohnya Perkara 12 Konvensyen Geneva Pertama.

⁸ Lihat contohnya Perkara 77, Protokol Tambahan I.

Maka apabila kamu bertembung dengan orang-orang kafir (di medan tempur), maka pancunglah leher mereka. Sehingga apabila kamu telah mengatasi mereka, maka ikatlah mereka dengan kukuh. Setelah itu (bebaskan mereka,) sama ada dengan murah hati atau dengan mengambil tebusan, sehingga beban peperangan diangkat: demikianlah (perintah Allah kepadamu). ...

Lihat juga ayat 9:5 ini:

Tetapi apabila bulan-bulan haram itu telah berakhir, maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu temui mereka, dan tawanlah mereka, dan kepunglah mereka, dan awasilah mereka di setiap tempat pengintaian. ... (Penekanan ditambah)

Ayat 47:4 menggambarkan penawanan sebagai keadaan sementara, kerana ayat tersebut menyebut dua cara untuk menamatkan penawanan, iaitu: *mann* (membebaskan tanpa menuntut tebusan), dan *fida'* (membebaskan selepas mengambil tebusan). Pembebasan boleh dilakukan dengan syarat bahawa tawanan yang dibebaskan itu tidak memerangi orang Muslim pada masa hadapan, atau tanpa syarat. Tawanan perang dari Pertempuran Badar dibebaskan selepas mereka membayar tebusan dan berjanji yang mereka tidak akan memerangi orang Muslim pada masa hadapan⁹. Terdapat hadis Nabi yang memerintahkan untuk membebaskan tawanan perang¹⁰.

Menurut majoriti fuqaha', selain dari *mann* dan *fida'*, pihak berkuasa Muslim turut mempunyai pilihan untuk membunuh tawanan perang¹¹. Pendapat ini berdasarkan keputusan Sa'ad bin Mu'adh (r.a.) sebagai penimbang tara bahawa semua pejuang Banu Qurayzah dihukum bunuh setelah mengkhianati perjanjian semasa Pertempuran Ahzab, dan Nabi (s.a.w.) berpuas hati dengan keputusan tersebut sambil berkata kepada Sa'ad, "Kamu telah mengadili berdasarkan hukum Allah"¹². Namun, perlu difahami bahawa dalam kes ini, pejuang-pejuang Banu Qurayzah bukan tawanan perang semata-mata. Banu Qurayzah dan Nabi (s.a.w.) adalah pihak kepada kes timbang tara di hadapan Sa'ad yang dipilih oleh kedua-

⁹ Muhammad Hamidullah, *Muslim Conduct of State*, Edisi Semak, Lahore: Kashmiri Bazar, 1945, hlm 212; Ahmed Zaki Yamanai, "Humanitarian International Law in Islam: A General Outlook" dalam Hisham M. Ramadan (penyunting), *Understanding Islamic Law: from Classical to Contemporary*, Lanham, New York, Toronto & Oxford: AltaMira Press, 2006, hlm 85.

¹⁰ al-Bukhari, *Summarized Sahih al-Bukhari*, susunan al-Imam Zain-ud-Din Ahmad bin Abdul-Lateef Az-Zubaidi, terjemahan Dr. Muhammad Muhsin Khan, Riyadh: Maktaba Dar-us-Salam, hadis no. 1301, 1996/1417H, hlm 618.

¹¹ Lihat Muhammad Munir, "Debates on the Rights of Prisoners of War in Islamic Law", (2010) 49(4) *Islamic Studies* 463-492, hlm 466-476.

¹² Abu Ameenah Bilal Philips, *The Evolution of Fiqh: Islamic Law & the Madh-habs*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 2002/1422, hlm 35-36; Mohamad Akram Laldin, *Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence*, Kuala Lumpur: CERT Publications, 2006, hlm 182.

dua pihak. Banu Qurayzah yang mahu diadili dalam kes pengkhianatan mereka¹³, dan tidak memilih untuk menyerahkan nasib mereka kepada Nabi pembawa rahmat (s.a.w.) sebagaimana yang dilakukan oleh Banu Qaynuqa' dan Banu al-Nadir sebelum itu.

Lebih-lebih lagi, ayat 47:4 tidak menyebut tentang membunuh tawanan perang. Oleh yang demikian, sebaik sahaja musuh ditawan, dia tidak boleh dibunuh, walaupun ketika bertempur, dia telah membunuh ramai pejuang Muslim.

Dihujahkan bahawa seseorang tawanan perang boleh dibunuh hanya dalam dua keadaan sahaja, iaitu: atas jenayah yang dihukum dengan hukuman mati, dan keperluan ketenteraan. Antara jenayah yang dihukum dengan hukuman mati termasuklah membunuh, menista agama, menjadi murtad, dan merompak. Contohnya, Nabi (s.a.w.) mengarahkan 'Uqbah bin Abu Mu'ayt yang ditawan dalam Pertempuran Badar dibunuh. 'Uqbah bertanya kepada Nabi, "Adakah engkau akan membunuhku, wahai Muhammad, dari semua orang Quraysh?" Nabi menjawab, "Ya. Tahukah kamu apa lelaki ini buat kepadaku? Dia datang kepadaku semasa aku sedang sujud dalam solat di belakang *maqam* Ibrahim, memijak dan menekan leherku, dan dia tidak mengalihkan kaki-kakinya sehingga aku sangka matakku akan terbonjol keluar. Dan pada masa yang lain dia membawa kantung kandungan biri-biri betina dan melemparkannya ke atas kepalaku semasa aku sedang sujud dalam solat, dan kemudian Fatimah datang dan membersihkannya daripada kepalaku"¹⁴. Apa yang dilakukan oleh 'Uqbah adalah penistaan agama, sedangkan Allah sudah menurunkan ayat melarang Sahabat (r.a.) daripada menghina berhala sembah orang Quraysh, atas permintaan orang Quraysh¹⁵, dan atas prinsip kesalingan, orang Quraysh tidak boleh menghina Allah¹⁶.

¹³ Bilal Philips, *Evolution of Fiqh*, hlm 35; Laldin, *Introduction to Shariah*, hlm 182.

¹⁴ Munir, "Rights of Prisoners of War", hlm 471; Yamanai, "Humanitarian International Law", hlm 87; Sheikh Abdullah bin Muhammad bin Humaid, *Jihad in the Qur'an & Sunnah*, Riyadh: Darussalam, 1995, hlm 7; Safi-ur-Rahman al-Mubarakpuri, *al-Rahiq al-Makhtum/Cahaya Abadi*, Edisi Semak, terjemahan Mohd Nor Long, semakan Mohd. Puzhi bin Usop, Selangor: al-Hidayah Publication, 1399H/1979, Ulangcetak 2016, hlm 221; Abu Mazaya al-Hafiz (penyusun), *Sirah dan Riwayat Hidup Nabi Muhammad*, suntingan Mohd Puzhi Usop, Selangor: al-Hidayah Publication, 2018, hlm 384-385; Akbar Shah Najeebabadi, *The History of Islam*, semakan Safi-ur-Rahman Mubarakpuri, suntingan Abdul Rahman Abdullah & Muhammad Tahir Salafi, Riyadh, Houston, New York, Lahore & Dhaka: Darussalam, 2000, Jilid 1, hlm 163; Ahmad Hatta, *The Great Story of Muhammad s.a.w.: Referensi Lengkap Hidup Rasulullah s.a.w. dari Sebelum Kelahiran hingga Detik-detik Terakhir*, suntingan Erwyn Kurniawan, Jakarta: Maghfirah Pustaka, 2011, hlm 301.

¹⁵ Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t., Jilid 7, hlm 41.

¹⁶ Qur'an, 6:108:

Dan janganlah kamu mencaci maki berhala-berhala yang mereka sembah selain dari Allah, karena mereka nanti akan mencaci maki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan.

Keperluan ketenteraan merupakan satu pengecualian daripada obligasi dan pertanggungjawaban. Sebagai satu contoh, kita katakan, pejuang Muslim telah menawan ramai anggota tentera musuh. Keadaan sudah terbalik, dan musuh sedang mara menuju ke tempat pejuang Muslim menempatkan tawanan perang. Tentera Muslim dijangka tidak mampu bertahan, dan sekiranya musuh melepaskan anggota tentera mereka yang ditawan itu, tentunya musuh menjadi bertambah kuat. Keperluan ketenteraan mewajarkan pengawal-pengawal Muslim untuk membunuh tawanan-tawanan perang tersebut.

Menurut majoriti fuqaha' juga, pihak berkuasa Muslim turut mempunyai pilihan untuk memperhambakan tawanan perang. Walaupun hukum asalnya harus, tetapi sikap agama Islam menggalakkan pembebasan hamba, sehingga memperuntukkan zakat bagi tujuan ini¹⁷, dan menetapkan pembebasan hamba sebagai kaffarah untuk beberapa dosa¹⁸, maka memperhambakan tawanan perang tidak lagi menjadi pilihan pada zaman sekarang. Titi undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang disertai negara-negara Muslim turut melarang memperhambakan tawanan perang¹⁹.

Layanan Semasa dalam Tawanan

Tawanan perang bukan Muslim tidak boleh dipaksa memeluk agama Islam berdasarkan ayat 2:256²⁰. Bagaimanapun, pejuang Muslim boleh menyeru tawanan perang bukan Muslim untuk memeluk agama Islam. Nabi (s.a.w.) diperintahkan:

Wahai Nabi! Katakanlah kepada tawanan yang ada di tanganmu, “Sekiranya Allah mengetahui ada kebaikan dalam hatimu, nescaya Dia akan memberikan kepada kamu (sesuatu) yang lebih baik daripada apa (tebusan) yang diambil dari kamu, dan Dia akan mengampunkan kamu”. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.²¹

¹⁷ Lihat Qur'an, 9:60.

¹⁸ Sebagai contoh, lihat Qur'an, 4:92; 58:3-4.

¹⁹ Protokol Tambahan II kepada Konvensyen Geneva, Perkara 4(2)(f); Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa, Perkara 7(1)(c).

²⁰ Qur'an, 2:256:

Tidak ada paksaan untuk memasuki agama (Islam). Sesungguhnya sudah nyata (mana) petunjuk dan (mana) kesesatan. Maka siapa yang mengingkari *taghut* (selain Allah) dan ia beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang pada buhul tali yang kuat sekali yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Lihat juga Qur'an, 10:99-100:

Dan jika Tuhanmu menghendaki nescaya semua orang di muka bumi beriman seluruhnya. Apakah kamu memaksa manusia supaya mereka beriman? (99)

Dan tiadalah seseorang akan beriman kecuali dengan izin Allah. Dan Allah menimpakan seksaan ke atas orang-orang yang tidak beriman. (100)

²¹ Qur'an, 8:70.

Nikmat Islam dan iman adalah nikmat yang paling besar, dan pastinya lebih bernilai daripada harta yang dibayar oleh tawanan perang untuk menebus diri mereka. Nabi juga diperintahkan untuk berjanji bahawa dosa-dosa tawanan itu akan diampunkan oleh Allah. Apabila seorang bukan Muslim memeluk agama Islam, semua dosanya sebelum itu diampunkan oleh Allah, maka ayat di atas boleh difahami memerintahkan Nabi untuk menyeru tawanan perang bukan Muslim untuk memeluk agama Islam, agar mereka diampuni. Umat Baginda (s.a.w.) turut mempunyai kewajiban melaksanakan perintah tersebut.

Larangan daripada memaksa tawanan memeluk agama Islam mempunyai satu pengecualian, iaitu jika tawanan perang itu seorang yang telah menjadi murtad. Orang murtad hendaklah diseru untuk bertaubat dan kembali memeluk agama Islam. Jika dia enggan, dia hendaklah dibunuh²².

Nabi (s.a.w.) membahagikan tawanan perang Badar kepada para Sahabat sambil meminta mereka untuk, “Ambil perhatian pada cadangan untuk melayan tawanan dengan saksama”²³. Ramai Sahabat (r.a.) memberikan roti yang mereka ada kepada tawanan perang sedangkan mereka berpada dengan memakan buah kurma²⁴. Tawanan perang hendaklah diberikan pakaian kerana selepas Pertempuran Badar, Nabi (s.a.w.) telah memerintahkan demikian, malah telah memakaikan pakaian kepada seorang tawanan perang Badar²⁵.

Tawanan perang tidak sepatutnya didedahkan kepada panas dan sejuk²⁶ dan semua ketidakselesaan hendaklah dihilangkan. Sekiranya mereka cedera atau sakit, mereka

²² Ini berdasarkan hadis:

Sesiapa yang menukar agamanya (dari Islam), maka bunuhlah dia. al-Bukhari, *Summarized Sahih al-Bukhari*, hadis no. 1294, hlm 613; Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash‘at al-Sajastani al-Azadi, *Sunan Abi Dawud*, Beirut: Dar Ibn Hazm, 1419H/1998, hlm 657; Muhammad ibn ‘Ali ibn Muhammad al-Shawkani, *Nayl al-Awtar*, Beirut: Mu‘assasat al-Tarikh al-‘Arabi, t.th., Jilid 7, hlm 216; Yusuf al-Qardawi, *Jarimah al-Riddah wa ‘Uqubat al-Murtad fi Daw’ al-Qur‘an wa-al-Sunnah*, Beirut: Mu‘assasat al-Risalah, 2001, hlm 32; Muhammad Abu Zahrah, *al-‘Uqubah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, t.th., hlm 172; Said Ibrahim, *Jinayah Murtad dari Sudut Hukum Syara’ dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Darul Ma‘rifah, 1998, hlm 7.

²³ Abu Ja‘far Muhammad ibn Jarir al-Tabari, *Ta’rikh al-Umam wa’l-Muluk*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Jilid 2, 1407H, hlm 39; Ahmad Abu al-Wafa, *Kitab al-I‘lam bi-Qawa‘id al-Qanun al-Duwali wa al-‘Alaqat al-Dawliyyah fi Shari‘at al-Islam*, Kaherah: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah, 2001, Jilid 10, al-Harb fi al-Shari‘at al-Islamiyyah, hlm 203; Hamidullah, *Muslim Conduct of State*, hlm 207; Ahmad Ibrahim, “Religious Beliefs and Humanitarian Law with Special Reference to Islam”, [1984] 11 *Journal of Malaysian & Comparative Law* 125-138, hlm 134.

²⁴ Munir, “Rights of Prisoners of War”, hlm 485-486; Yamanai, “Humanitarian International Law”, hlm 89; Abu al-Wafa, *Kitab al-I‘lam*, Jilid 10, hlm 208; Hamidullah, *Muslim Conduct*, hlm 207; Mohammad Naqib Ishan Jan, “The Status of Prisoners of War from the Shariah Perspective”, [2010] 1 *Current Law Journal (Syia)* i-xxiv, hlm viii-ix.

²⁵ Abu al-Wafa, *Kitab al-I‘lam*, Jilid 10, hlm 208-209; Naqib, “Status of Prisoners of War”, hlm x; Ahmad, “Religious Beliefs and Humanitarian Law”, hlm 135.

²⁶ Hamidullah, *Muslim Conduct*, hlm 207; Abdul Haseeb Ansari, “Contemporary Issues in Terrorism and Their Islamic Perspectives: A Comparative Assessment” (2008) 4 *Journal of Islamic Law Review* 1-56, hlm 32; Yadh ben Ashoor, *Islam and International Humanitarian Law*, Geneva: International Committee of the Red Cross, 1980, hlm 6.

hendaklah dirawat²⁷. Menurut al-Sarkhasi, tawanan perang mempunyai hak untuk mengagihkan harta mereka yang berada di rumah²⁸ dan seorang ibu yang ditawan tidak boleh dipisahkan daripada anaknya²⁹.

Pejuang Muslim dilarang daripada menyeksa tawanan perang. Setelah tamat Pertempuran Badar, ‘Umar ibn al-Khattab meminta izin dari Nabi (s.a.w.) untuk mencabut keluar gigi-gigi taring dan lidah seorang tawanan bernama Suhayl ibn ‘Amru, supaya Suhayl tidak lagi boleh mencerca Baginda Nabi (s.a.w.). Tetapi Nabi (s.a.w.) bersabda, “Aku tidak akan mencacatnya; jika tidak, Allah akan mencacatiku walaupun aku seorang Nabi”³⁰. Selain itu, ada hadis, “Sesungguhnya Allah akan menyeksa orang yang menyeksa manusia di dunia ini”³¹.

Layanan berperikemanusiaan ini hendaklah diberikan kepada semua tawanan perang, tanpa mengira sama ada negara musuh memberi layanan yang sama kepada pejuang Muslim yang mereka tawan.

IX. Perlindungan Orang Awam dan Objek Awam dalam Konflik Bersenjata

Matlamat pihak-pihak yang bersengketa dalam peperangan adalah untuk memenangi peperangan tersebut. Undang-undang Kemanusiaan Islam membenarkan penggunaan banyak jenis senjata seperti pedang, panah, senapang, dan meriam. Pelbagai kaedah dan cara berperang boleh diambil kerana Nabi (s.a.w.) sendiri menyifatkan peperangan sebagai tipu muslihat³² walaupun Baginda (s.a.w.) melarang pengkhianatan³³. Namun demikian, yang boleh disasarkan hanyalah penempur musuh dan objek ketenteraan. Orang awam dan objek awam dilindungi daripada disasarkan.

Membezakan Orang Awam dan Objek Awam daripada Penempur dan Objek Ketenteraan

Penempur seperti anggota tentera atau anggota kumpulan bersenjata mengambil bahagian dalam permusuhan. Objek ketenteraan adalah objek yang dari sifatnya, lokasinya, tujuannya atau penggunaannya memberikan sumbangan yang berkesan kepada tindakan ketenteraan.

²⁷ Naqib, “Status of Prisoners of War”, hlm x; Ansari, “Contemporary Issues in Terrorism”, hlm 32.

²⁸ Abu Bakr Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Sahl al-Sarkhasi, *Kitab al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1421H/2001, Jilid 10, hlm 229.

²⁹ al-Sarkhasi, *Kitab al-Mabsut*, Jilid 10, hlm 241-3.

³⁰ Abu al-Wafa, *Kitab al-I‘lam*, Jilid 10, hlm 114; Yamanai, “Humanitarian International Law”, hlm 89.

³¹ Yamanai, “Humanitarian International Law”, hlm 89; Naqib, “Status of Prisoners of War”, hlm xiii; Ansari, “Contemporary Issues in Terrorism”, hlm 30.

³² Hamidullah, *Muslim Conduct*, hlm 216; Yamanai, “Humanitarian International Law”, hlm 76.

³³ Yamanai, “Humanitarian International Law”, hlm 77.

Pemusnahan, penawanan atau peneutralan objek ketenteraan musuh memberi kelebihan ketenteraan yang pasti. Contoh objek ketenteraan ialah kubu, kem tentera, pangkalan tentera, kenderaan tentera, laluan tentera, peralatan tentera dan lapangan terbang tentera musuh.

Yang dilindungi dan tidak boleh disasarkan ialah orang awam dan objek awam. Orang awam ialah orang-orang yang tidak mengambil bahagian dalam permusuhan. Dalam sesuatu konflik bersenjata, terdapat risiko orang awam dibunuh, dcederakan, diambil sebagai tebusan, diserang secara seksual, diusir, dirampas hartanya, atau dinafikan bekalan air, makanan atau rawatan kesihatan.

Objek awam ialah objek yang tidak menyumbang kepada tindakan ketenteraan, seperti kampung, bandar, kediaman persendirian, kebun, sekolah, rumah ibadah, pengangkutan awam, perkhidmatan perubatan, dan banyak lagi.

Al-Qur'an memerintahkan kaum Muslim untuk memerangi orang-orang yang memerangi mereka dan melarang mereka daripada melampaui batas³⁴. Selain daripada menunjukkan bahawa jihad diwajibkan bagi tujuan mempertahankan diri dan bukan untuk memulakan permusuhan dan pencerobohan, ayat 2:190 ini juga menunjukkan bahawa dalam jihad bersenjata, tentera dan pejuang Muslim dibenarkan untuk mensasarkan tentera dan pejuang musuh sahaja, tetapi dilarang daripada mensasarkan orang awam. Perbuatan mensasarkan orang awam adalah perbuatan yang melampaui batas yang ditentukan oleh Tuhan dan boleh dihukum sebagai satu jenayah perang.

Apabila Nabi Muhammad (s.a.w.) menghantar tentera, Baginda akan berpesan kepada tentera Muslim untuk tidak mensasarkan orang tua yang uzur, kanak-kanak, anak-anak kecil dan wanita³⁵. Empat golongan ini biasanya tidak mengambil bahagian dalam permusuhan. Perbuatan Nabi (s.a.w.) memberikan pesanan kepada tentera menunjukkan bahawa amaran hendaklah diberi kepada tentera Islam tentang apa yang mereka boleh buat dan apa yang mereka tidak boleh buat dalam peperangan. Bagi tujuan ini, manual tentera hendaklah dibuat.

³⁴ Qur'an, 2:190:

Dan perangilah pada jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.

³⁵ Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, hadis no. 2614, hlm 403; Hamidullah, *Muslim Conduct*, hlm 298-300; Abu al-Wafa, *Kitab al-I'lam*, Jilid 10, hlm 115 & 123; Ahmed al-Dawoody, *The Islamic Law of War: Justifications and Regulations*, United States: Palgrave Macmillan, 2011, hlm 115; Mohammad Munir, "The Protection of Women and Children in Islamic Law and International Humanitarian Law: A Critique of John Kelsay", 2002 XXV(3) *Hamdard Islamicus* 69-82, hlm 75; ben Ashoor, *Islam and International Humanitarian Law*, hlm 9.

Dalam satu pertempuran, Nabi Muhammad (s.a.w.) diberitahu seorang wanita telah mati dibunuh, maka Nabi (s.a.w.) menyuarakan kekesalan, “Pastinya dia tidak berperang”³⁶. Apabila disoal oleh Baginda (s.a.w.), lelaki yang membunuh wanita itu menjelaskan dia membunuh wanita itu kerana wanita itu cuba merampas pedangnya untuk membunuhnya³⁷. Perbuatan Nabi (s.a.w.) menyoal lelaki yang membunuh seorang wanita dalam Pertempuran Hunayn ini menunjukkan bahawa seseorang tentera yang mensasarkan orang awam atau objek awam hendaklah didakwa dan, jika didapati bersalah, dihukum.

Menggunakan kaedah *qiyas*, fuqaha’ telah memasukkan pertapa, peniaga, petani, guru dan sebagainya yang tidak mengambil bahagian dalam permusuhan ke dalam senarai orang-orang yang dilindungi. Pada masa yang sama, seorang wanita yang menjadi anggota tentera musuh dan mengambil bahagian dalam permusuhan boleh disasarkan.

Prinsip pembezaan dalam Undang-undang Kemanusiaan Islam bermakna pihak yang bermusuhan hendaklah pada setiap masa membezakan antara penempur yang boleh disasarkan dan orang awam yang tidak boleh disasarkan. Bagi tujuan ini, Nabi Muhammad (s.a.w.) mengarahkan tentera Islam untuk memakai kain bulu biri-biri berwarna putih sebagai tanda pembezaan pada hari Pertempuran Badar³⁸. Ketika itu belum ada ilham pakaian seragam, tetapi kain bulu biri-biri berwarna putih itu merupakan genesis kepada pakaian seragam tentera.

Pertukaran Status

Seorang penempur yang berhenti dari mengambil bahagian dalam permusuhan kerana cedera, sakit atau ditawan akan mendapat perlindungan Undang-undang Kemanusiaan Islam daripada disasarkan. Manakala orang awam akan kehilangan perlindungan sekiranya orang tersebut mengambil bahagian dalam permusuhan. Pada masa itu, dia boleh disasarkan.

Sesuatu objek awam akan kehilangan perlindungan sekiranya ia diguna bagi tujuan ketenteraan. Setelah bertukar menjadi objek ketenteraan, ia boleh disasarkan. Dalam pertempuran antara Muslim dan Banu al-Nadir yang merancang membunuh Nabi Muhammad

³⁶ Abu Dawud, *Sunan*, hadis no. 2669, hlm 411; al-Dawoody, *Islamic Law of War*, hlm 113; Yamanai, “Humanitarian International Law”, hlm 74.

Lihat juga al-Bukhari, *Summarized Sahih al-Bukhari*, hadis no. 1293, hlm 613; Abu Dawud, *Sunan*, hadis no. 2668, hlm 411.

³⁷ al-Dawoody, *Islamic Law*, hlm 113.

³⁸ Yamanai, “Humanitarian International Law”, hlm. 75; Hamidullah, *Muslim Conduct*, hlm 224; Abu al-Fida Ismail ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, ringkasan Safi-ur-Rahman al-Mubarakpuri, Edisi ke-2, Riyadh: Darussalam, 2003, Jilid 2, hlm 261.

(s.a.w.)³⁹, pejuang Banu al-Nadir menggunakan kediaman mereka sebagai kubu. Di dalamnya mereka berlindung dan darinya mereka melempar batu dan melepaskan anak panah ke arah pejuang Muslim⁴⁰. Perbuatan Banu al-Nadir ini menjadikan kediaman mereka itu bertukar dari objek awam menjadi objek ketenteraan. Akibatnya, premis berkenaan hilang perlindungan dan boleh disasarkan. Nabi Muhammad mengarahkan Sahabat Baginda untuk menghentam premis Banu al-Nadir tersebut, maka para Sahabat pun merosakkan premis berkenaan setakat yang perlu⁴¹. Peristiwa ini dirakamkan dalam al-Qur'an⁴².

Senjata Diskriminatif

Berikutan prinsip pembezaan ini, penggunaan senjata yang boleh memberi kesan kepada penempur dan juga orang awam, contohnya senjata nuklear, adalah dilarang⁴³. Hanya senjata yang boleh membezakan penempur daripada orang awam yang boleh diguna. Begitu juga, kaedah berperang yang boleh memberi kesan kepada kedua-dua penempur dan orang awam juga dilarang. Contohnya, pengeboman sembarangan di kawasan awam adalah dilarang⁴⁴.

Prinsip Keperluan Ketenteraan

Dalam pertempuran Banu al-Nadir yang disebut di atas, pejuang Muslim tidak dapat mensasarkan pejuang Banu al-Nadir kerana terhalang oleh pokok-pokok kurma mereka. Nabi Muhammad (s.a.w.) mengarahkan Sahabat Baginda untuk menebang pokok-pokok kurma Banu al-Nadir tersebut, maka para Sahabat pun menebangnya⁴⁵. Peristiwa ini

³⁹ Abu Muhammad 'Abd al-Malik ibn Hisham ibn Ayub al-Himyari, *al-Sirat al-Nabawiyah*, suntingan Mustafa al-Saqqa, Ibrahim al-Abyari & 'Abd al-Hafiz Shalabi, Beirut: Dar al-Khayr, 1416H/1996, Jilid 3, hlm 151-154; Ibn Jarir al-Tabari, *Tarikh*, Jilid 2, hlm 406; Jamal al-Din Abu al-Farj 'Abd al-Rahman ibn 'Ali al-Jawzi, *al-Muntazam fi Tawarikh al-Muluk wa-al-Umam*, suntingan Suhayl Zakkar, Beirut: Dar al-Fikr, 1416H/1996, Jilid 2, hlm 738; Abu al-Fida' Isma'il ibn Kathir, *al-Bidayah wa-al-Nihayah*, Kaherah: Dar al-Taqwa, 1999, Jilid 4, hlm 81-87; Majid Ali Khan, *Muhammad the Final Messenger*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, 1983, hlm 197-202; Najeebabadi, *History of Islam*, Jilid 1, hlm 183-184.

⁴⁰ Ahmad Hatta, *Great Story of Muhammad s.a.w*, hlm 347.

⁴¹ Yamanai, "Humanitarian International Law", hlm 83-84.

⁴² al-Qur'an, 59:2:

Dia-lah (Allah) yang telah mengeluarkan orang-orang kafir di kalangan Ahli Kitab dari kediaman mereka pada julung-julung kali mereka berhimpun (hendak memerangi Rasulullah). Kamu (wahai umat Islam) tidak menyangka bahawa mereka akan keluar (disebabkan pertahanan mereka yang kuat), dan mereka pula menyangka bahawa benteng-benteng mereka itu akan dapat melindungi mereka dari Allah. Maka Allah menimpakan (azabNya) kepada mereka dari arah yang tidak mereka sangka-sangka, dan (Allah) melemparkan rasa takut ke dalam hati mereka. Mereka membinasakan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan tangan orang-orang yang beriman. Maka ambillah pelajaran (dari peristiwa ini), wahai orang-orang yang celik mata hatinya.

⁴³ Yamanai, "Humanitarian International Law", hlm 74.

⁴⁴ *Ibid.*, hlm 75.

⁴⁵ Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 347; Abu Dawud, *Sunan*, hadis no. 2615, hlm 403.

dirakamkan dalam al-Qur'an⁴⁶. Walaupun pokok-pokok kurma itu merupakan objek awam, tetapi tindakan menebangnya perlu diambil untuk memenangi pertempuran tersebut. Jika tidak, pejuang Muslim tidak akan berjaya. Tindakan ini dibenarkan berdasarkan prinsip keperluan ketenteraan.

Pada akhir pertempuran Banu al-Nadir di atas, Banu al-Nadir telah tewas. Sebagai hukuman atas kesalahan mereka cuba membunuh Nabi Muhammad (s.a.w.) yang menjadi punca pertempuran tersebut, Nabi Muhammad telah mengarahkan Banu al-Nadir untuk meninggalkan Madinah⁴⁷. Sebelum mereka keluar, mereka telah membinasakan kediaman mereka sendiri kerana tidak mahu orang Muslim mendapat manfaat darinya. Dari sudut kronologi peristiwa, Sahabat Nabi menghentam premis Banu al-Nadir semasa pertempuran, dan kemudian Banu al-Nadir membinasakan premis mereka tersebut sebelum meninggalkan Madinah. Tetapi ayat 59:2 menyebut tentang pembinaan oleh Banu al-Nadir sebelum menyebut tentang kerosakan oleh pejuang Muslim:

Dia-lah (Allah) yang telah mengeluarkan orang-orang kafir di kalangan Ahli Kitab dari kediaman mereka pada julung-julung kali mereka berhimpun (hendak memerangi Rasulullah). Kamu (wahai umat Islam) tidak menyangka bahawa mereka akan keluar (disebabkan pertahanan mereka yang kuat), dan mereka pula menyangka bahawa benteng-benteng mereka itu akan dapat melindungi mereka dari Allah. Maka Allah menimpakan (azabNya) kepada mereka dari arah yang tidak mereka sangka-sangka, dan (Allah) melemparkan rasa takut ke dalam hati mereka. Mereka membinasakan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan tangan orang-orang yang beriman. Maka ambillah pelajaran (dari peristiwa ini), wahai orang-orang yang celik mata hatinya.
(Penekanan ditambah)

Boleh difahami dari susunan dalam ayat ini bahawa pembinaan oleh Banu al-Nadir lebih besar daripada kerosakan oleh pejuang Muslim. Ini menunjukkan bahawa pejuang Muslim

⁴⁶ Qur'an, 59:5:

Mana-mana jua pohon kurma (kepunyaan musuh) yang kamu tebang atau kamu biarkan tegak berdiri seperti keadaannya yang asal, maka yang demikian adalah dengan izin Allah (kerana Dia hendak memberi kemenangan kepada orang-orang mukmin), dan kerana Dia hendak menimpakan kehinaan kepada orang-orang yang fasik.

⁴⁷ Qur'an, 59:3:

Dan kalaulah tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran (yang demikian buruknya) terhadap mereka, tentulah Dia akan menyiksa mereka di dunia; dan mereka pula akan beroleh azab seksa neraka pada hari akhirat kelak.

merosakkan premis berkenaan setakat yang perlu sahaja untuk memenangi pertempuran tersebut.

Prinsip keperluan berasal dari ayat-ayat al-Qur'an yang membenarkan perbuatan memakan benda yang diharamkan apabila seseorang itu terpaksa kerana darurat⁴⁸. Seseorang yang terpaksa memakan benda yang diharamkan hendaklah tidak mempunyai keinginan untuk memakan benda tersebut dan tidak boleh makan lebih daripada apa yang diperlukan untuk hidup. Prinsip keperluan ini dipanjangkan kepada situasi perang, lalu terbentuklah prinsip keperluan ketenteraan.

Tidak ada tindakan yang lebih daripada apa yang benar-benar diperlukan untuk memenangi sesuatu pertempuran atau peperangan boleh diambil oleh tentera Muslim. Tindakan yang diambil itu hendaklah satu-satunya cara untuk melindungi sesuatu kepentingan besar daripada bahaya yang pasti berlaku. Tiada pilihan lain, atau pilihan lain telahpun diambil tetapi gagal atau dijangka akan gagal.

Prinsip keperluan ketenteraan ini mempunyai matlamat melindungi orang awam dan objek awam. Misalnya, tindakan seseorang yang mengebom pusat hiburan yang turut dikunjungi tentera musuh tidak boleh diwajibkan. Tindakan sebegini lebih daripada apa yang benar-benar diperlukan untuk memenangi pertempuran atau peperangan. Tindakan sebegini bukanlah satu-satunya cara yang tinggal, kerana masih ada banyak lagi pilihan lain, untuk menewaskan musuh.

Prinsip Perkadaran

Apabila sasaran bukan sepenuhnya ketenteraan, contohnya sebuah bandar yang didiami oleh orang awam, satu lagi prinsip Undang-undang Kemanusiaan Islam yang penting ialah perkadaran. Ia bermakna apabila tentera Muslim sedang mempertimbangkan untuk mensasarkan sesuatu, kecederaan terkait ke atas orang awam atau objek awam tidak boleh keterlaluan berbanding manfaat ketenteraan. Tentera Muslim hendaklah mempertimbangkan

⁴⁸ Qur'an, 2:173:

Sesungguhnya Allah mengharamkan atas kamu (daripada memakan) bangkai, dan darah, dan daging babi, dan (daging) binatang yang disembelih dengan menyebut nama selain dari Allah. Maka sesiapa yang terpaksa (memakan benda-benda yang diharamkan ini) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.

Qur'an, 5:3, sebahagiannya:

Diharamkan atas kamu (daripada memakan) bangkai (yakni binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi, dan (daging) binatang yang disembelih dengan menyebut nama selain dari Allah ... Maka sesiapa yang terpaksa (memakan benda-benda yang diharamkan ini) kerana kelaparan tanpa ingin melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.

semua pilihan apabila membuat keputusan mensasarkan, seperti mengesahkan sasaran, memilih masa, memilih senjata, serta amaran dan pemindahan penduduk awam.

Prinsip perkadaran disokong oleh prinsip kehati-hatian yang bermakna pihak bersengketa hendaklah mengelakkan, atau paling kurang mengurangkan, kemudaratan kepada orang awam.

Semasa Pembukaan Kota Mekah, Nabi Muhammad (s.a.w.) meminta Abu Sufyan, pemimpin Quraysh Mekah, untuk mengumumkan kepada penduduk Mekah bahawa sesiapa yang memasuki Masjid al-Haram, atau memasuki rumah Abu Sufyan, atau menutup rumahnya sendiri, atau berada di luar tanpa senjata, akan selamat⁴⁹. Apabila Sa'ad ibn 'Ubadah (r.a.), pembawa bendera Ansar, berkata kepada Abu Sufyan bahawa hari itu adalah hari pertempuran, Nabi Muhammad (s.a.w.) mengambil bendera tersebut daripada beliau dan menyerahkannya kepada anak beliau, Qays ibn Sa'ad⁵⁰. Tentera Muslim bergerak memasuki Kota Mekah pada waktu siang walaupun telah tiba pada malam sebelumnya⁵¹. Ayat 2:190-193 sudahpun turun, memerintahkan orang Muslim untuk tidak berperang, terutamanya di Masjid al-Haram, kecuali jika mereka diserang terlebih dahulu⁵². Langkah-langkah ini berasaskan prinsip perkadaran dan dihuraikan dalam perenggan-perenggan berikut.

Langkah Nabi Muhammad (s.a.w.) meminta Abu Sufyan mengumumkan agar orang-orang yang mahu selamat berlindung di dalam Masjid al-Haram atau rumah merupakan satu langkah yang berkesan dalam memberikan perlindungan kepada orang awam yang tidak boleh disasarkan. Hasilnya, para Sahabat dapat membezakan penempur Quraysh daripada orang awam. Nabi Muhammad (s.a.w.) mengenalpasti Masjid al-Haram dan rumah

⁴⁹ Najeebabadi, *History*, Jilid 1, hlm 222.

⁵⁰ Khalid Muhammad Khalid, *Men around the Messenger*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2005, hlm 397-398.

⁵¹ Najeebabadi, *History*, Jilid 1, hlm 221-222; Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 490-492.

⁵² Qur'an, 2:190-193:

Dan perangilah pada jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. (190)

Dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu dapati mereka, dan usirlah mereka sebagaimana mereka telah mengusir kamu; dan penindasan itu lebih berbahaya daripada pembunuhan. Dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar Masjid al-Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ. Jika mereka memerangi kamu (di situ), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang yang kafir. (191)

Kemudian jika mereka berhenti (daripada memerangi kamu, maka berhentilah kamu daripada membunuh mereka), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang. (192)

Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi penindasan dan (sehingga) menjadilah agama itu hanya bagi Allah semata-mata. Kemudian jika mereka berhenti (daripada memerangi kamu), maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim. (193)

Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t., Jilid 2, hlm 232; Jalaluddin as-Sayuthi, *Asbab Nuzul al-Quran*, Kuala Lumpur: Darul Fajr, 2008, hlm 81; Mohammad Talaat al-Ghunaimi, *The Muslim Conception of International Law and the Western Approach*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1968, hlm 166.

kediaman sebagai tempat berlindung kerana premis-premis ini merupakan objek-objek awam yang tidak boleh disasarkan.

Selepas Sa'ad ibn 'Ubadah (r.a.) menyifatkan hari Kota Mekah akan dibuka itu sebagai hari pertempuran, Nabi Muhammad (s.a.w.) segera memindahkan bendera Ansar darinya bagi mengelak Sa'ad daripada mengetuai batalionnya dalam menumpahkan darah. Ini menunjukkan pemilihan komander penting dalam membuat keputusan mensasarkan. Contohnya, seseorang yang mungkin melakukan balas dendam atau yang mungkin melanggar peraturan perang tidak boleh dipilih untuk mengetuai tentera Muslim dalam membuka kota musuh.

Nabi Muhammad (s.a.w.) juga memilih masa yang sesuai. Walaupun telah tiba di Mekah pada waktu malam hari sebelumnya, Baginda (s.a.w.) tidak memulakan pembukaan pada waktu malam hari yang sama, kerana waktu malam kurang cahaya, akibatnya tentera Muslim boleh tersilap mensasarkan orang awam. Sebaliknya Baginda (s.a.w.) menunggu waktu siang untuk memulakan pembukaan, kerana waktu siang cerah, dan tentera Muslim tidak akan tersilap sasaran. Berdasarkan satu hadis, memang satu kelaziman Nabi, setiap kali Baginda tiba di satu kaum pada waktu malam, Baginda tidak sekali-kali memulakan serangan melainkan setelah tiba waktu pagi⁵³.

Ayat 2:190-193 turun setahun selepas Perjanjian Hudaibiyyah dan 10 bulan sebelum pembukaan Kota Mekah. Dalam Perjanjian Hudaibiyyah, Nabi Muhammad (s.a.w.) dan bangsa Quraysh bersetuju untuk berdamai selama 10 tahun, dan orang Muslim dibenarkan untuk menunaikan umrah mulai tahun selepas perjanjian itu. Pada masa ayat-ayat itu diturunkan, Nabi dan para Sahabat sedang bersiap-siap untuk menunaikan umrah di Mekah. Ketika itu, orang Muslim merasa bimbang jika bangsa Quraysh tidak menghormati perjanjian damai Hudaibiyyah tersebut dan memerangi mereka, sedangkan orang Muslim benci untuk berperang di sekitar Masjid al-Haram dan dalam bulan haram Dhu al-Qa'idah⁵⁴. Ayat-ayat ini memerintahkan orang Muslim untuk tidak berperang, terutamanya di Masjid al-Haram, kecuali jika mereka diserang terlebih dahulu. Ayat-ayat hukum ini menjadi panduan kaum Muslim apabila mereka memasuki Mekah semasa menunaikan umrah pada bulan Dhu al-Qa'idah tahun ketujuh Hijrah dan semasa pembukaan Kota Mekah pada bulan Ramadan tahun kelapan Hijrah.

⁵³ al-Dawoody, *Islamic Law*, hlm 119.

⁵⁴ al-Qurtubi, *al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*, Jilid 2, hlm 232; as-Sayuthi, *Asbab Nuzul al-Quran*, hlm 81; al-Ghunaimi, *Muslim Conception of International Law*, hlm 166.

Selain itu, ayat 16:126-128 juga diturunkan pada hari pembukaan Kota Mekah. Lima tahun sebelum itu, iaitu pada hari Pertempuran Uhud, Nabi (s.a.w.) dan Sahabat dari kalangan Ansar telah bersumpah untuk membalas dendam, apabila mendapati tubuh Hamzah ibn ‘Abd al-Mutalib dan orang-orang syahid lainnya telah dicatikan oleh orang-orang Quraysh. Ketiga-tiga ayat ini menyatakan bahawa adalah lebih baik sekiranya Nabi dan para Sahabat bersabar berbanding membalas dendam⁵⁵. Menurut satu pendapat, ketiga-tiga ayat ini diturunkan pada hari itu di Uhud, dan kemudian diturunkan sekali lagi pada hari pembukaan Kota Mekah⁵⁶. Menurut satu lagi pendapat, ayat 16:126 diturunkan berikutan peristiwa sumpah di Uhud tetapi pada hari pembukaan Kota Mekah⁵⁷. Ayat-ayat ini menjadi peringatan kepada kaum Muslim untuk tidak membalas dendam apabila mereka menawan Mekah.

Dengan langkah-langkah yang berasaskan prinsip perkadaran dan kehati-hatian ini, Nabi Muhammad (s.a.w.) berjaya mengelak pertumpahan darah semasa membuka Kota Mekah. Pembukaan Kota Mekah ini sangat berbeza daripada penaklukan-penaklukan lain yang biasanya disertai pembunuhan beramai-ramai, penjarahan dan penghambaan.

Nabi Muhammad (s.a.w.) juga berusaha mengelakkan kemudaratan daripada menimpa orang awam yang berada di bawah kepimpinan Baginda. Ini dapat dilihat dari langkah-langkah yang Baginda ambil dalam menghadapi tentera Ahzab yang mara ke Madinah. Pertama, Nabi (s.a.w.) menerima syor untuk menggali parit di kawasan terbuka di utara Madinah, satu-satunya tempat di mana kota itu terdedah kepada serangan luar⁵⁸, agar tentera Ahzab tidak dapat masuk ke dalam kota dan mensasarkan orang awam. Kedua, ketika serangan awal (yang dihentikan oleh parit pertahanan) dan kepungan susulan oleh tentera Ahzab berlaku di utara Madinah⁵⁹, Nabi (s.a.w.) menempatkan kanak-kanak, wanita dan

⁵⁵ Qur'an, 16:126-128:

Dan jika kamu membalas kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kamu membalas dengan balasan yang sama seperti yang telah ditimpakan kepada kamu; dan jika kamu bersabar, (maka) sesungguhnya itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang sabar. (126)

Dan bersabarlah (wahai Muhammad), dan tiadalah berhasil kesabaranmu melainkan dengan (pertolongan) Allah; dan janganlah kamu berdukacita terhadap (kekafiran) mereka, dan janganlah kamu bersempit dada terhadap tipu daya yang mereka lakukan. (127)

Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang yang memperbaiki amalannya. (128)

⁵⁶ Jalaluddin as-Sayuthi, *Asbab Nuzul al-Quran*, Kuala Lumpur: Darul Fajr, 2008, hlm 453-455.

⁵⁷ *Ibid.*; Zulkifli Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis, *Asbab Nuzul: Sebab-sebab Turunnya Ayat Al-Quran*, Selangor: Publishing House, 2019, hlm 441.

⁵⁸ Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 353-355; Najeebabadi, *History*, Jilid 1, hlm 191; Khan, *Muhammad the Final Messenger*, hlm 216; al-Mubarakpuri, *al-Rahiq al-Makhtum/Cahaya Abadi*, hlm 301; Ibn Jarir al-Tabari, *Tarikh*, Jilid 2, hlm 418.

⁵⁹ Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 357; al-Mubarakpuri, *al-Rahiq al-Makhtum*, hlm 302-303; Najeebabadi, *History*, Jilid 1, hlm 191-193.

orang tua di bahagian selatan kota⁶⁰. Ketiga, orang-orang awam tersebut ditempatkan di kubu yang kuat⁶¹. Keempat, Nabi mengarahkan beberapa ratus pejuang untuk mengawal di kubu tersebut⁶².

X. Pembabitan Kanak-kanak dalam Konflik Bersenjata

Bagi tujuan tulisan ini, kanak-kanak bererti seseorang yang belum baligh. Seseorang kanak-kanak menjadi baligh setelah keluarnya mani kerana mengalami mimpi basah⁶³ atau kerana lainnya, atau selewat-lewatnya berusia 15 tahun Qamariyyah. Takrifan ini menunjukkan faktor biologi mendahului faktor usia. Kanak-kanak boleh dikategorikan kepada dua, iaitu anak kecil dan mumaiyiz. Bermula dengan kelahiran sehinggalah mencapai mumaiyiz, seseorang itu berada dalam kategori anak kecil. Mumaiyiz bererti berkemampuan untuk membezakan antara sesuatu yang baik dan sesuatu yang memudaratkan. Ia bergantung kepada fungsi akal, namun kebiasaannya, kanak-kanak yang belum mumaiyiz berusia tidak lebih daripada 7 tahun.

Seorang kanak-kanak yang belum baligh tidak mempunyai kewajipan agama, seperti tiada kewajipan mendirikan solat. Seorang kanak-kanak yang belum baligh tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kesalahan yang dilakukan.

Dengan menjadi baligh, seseorang itu mula menjalani fasa remaja. Fasa remaja berakhir apabila seseorang beralih ke alam dewasa, biasanya pada usia 20 tahun. Seorang yang telah baligh mempunyai kewajipan agama, seperti kewajipan mendirikan solat. Seorang yang telah baligh akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kesalahan yang dilakukan, berdasarkan hadis di nota kaki 63.

Pembabitan Kanak-kanak dalam Konflik Bersenjata

Terdapat peraturan dalam Undang-undang Kemanusiaan Islam yang hendaklah dipatuhi oleh penempur. Pelanggaran mengakibatkan dosa dan orang yang melanggar akan dipertanggungjawabkan di dunia dan di akhirat. Tetapi kanak-kanak yang belum baligh yang melanggar Undang-undang Kemanusiaan Islam seperti mensasarkan orang awam atau objek

⁶⁰ Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 360.

⁶¹ *Ibid.*, hlm 357; Khan, *Muhammad*, hlm 220; Najeebabadi, *History*, Jilid 1, hlm 193.

⁶² Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 360; Khan, *Muhammad*, hlm 220; al-Mubarakpuri, *al-Rahiq al-Makhtum*, hlm 306-307.

⁶³ Hadis:

Diangkat pena (tidak dikenakan kewajiban) dari tiga orang, iaitu: dari orang yang tidur hingga dia bangun, dan dari anak kecil hingga dia bermimpi, dan dari orang gila hingga dia berakal”.

Lihat Abu Dawud, *Sunan*, hadis no. 4403, hlm 665.

awam atau melayan tawanan perang dengan kejam tidak akan dipertanggungjawabkan di dunia dan di akhirat. Oleh yang demikian, bagi tujuan melindungi orang awam, objek awam dan tawanan perang, kanak-kanak yang belum baligh seharusnya tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam permusuhan. Hukum ini sama seperti larangan daripada melantik kanak-kanak yang belum baligh menjadi pemimpin atau hakim.

Selain itu, seksyen IX di atas membincangkan perlindungan yang diberikan oleh Undang-undang Kemanusiaan Islam kepada orang awam termasuklah kanak-kanak dalam sesuatu konflik bersenjata. Ringkasnya, kanak-kanak yang tidak mengambil bahagian dalam permusuhan tidak boleh disasarkan oleh pihak-pihak peserta konflik bersenjata. Lanjutan dari itu, bagi tujuan memberi perlindungan sebaiknya kepada kanak-kanak, kanak-kanak seharusnya tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam permusuhan.

Terdapat hadis al-Bara' ibn Anas meriwayatkan bahawa beliau dan Ibn 'Umar dianggap terlalu muda untuk menyertai Pertempuran Badar⁶⁴. Tidak jelas berapa usia al-Bara' ketika itu, tetapi abangnya, Anas ibn Malik, berusia kira-kira 11 tahun ketika berlakunya pertempuran tersebut. Berdasarkan fakta ini, al-Bara' masih kanak-kanak ketika itu, dan disebabkan itulah, beliau tidak menyertai Pertempuran Badar.

Pembabitan Remaja dalam Konflik Bersenjata

Pada asasnya, hanya orang yang telah dewasa sahaja yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam permusuhan. Pada asasnya juga, remaja - walaupun telah baligh - seharusnya tidak dibenarkan atau direkrut untuk mengambil bahagian dalam permusuhan. Tetapi sekiranya seseorang remaja itu telah mendapat keizinan daripada ibu bapanya, dan mempunyai kekuatan atau kemahiran bagi membolehkannya bertempur, maka dia boleh dibenarkan mengambil bahagian dalam permusuhan, dengan syarat remaja dan ibu bapanya itu rela dan tidak dipaksa.

Al-Qur'an ada menyebut tentang Nabi Dawud (a.s.) yang menyertai tentera Talut dan berjaya membunuh ketua musuh yang bernama Jalut⁶⁵. Nabi Dawud masih berusia muda ketika itu⁶⁶ tetapi mahir menggunakan lastik sebagai senjata⁶⁷. Namun ayat 2:251 ini bukan

⁶⁴ Ibn Kathir, *The Battles of the Prophet*, Edisi ke-2, terjemahan Wa'il 'Abdul Mut'aal Shihab, El-Mansoura, Mesir: Dar Al-Manarah, 1421/2001, hlm 30.

⁶⁵ Qur'an, 2:251:

Maka mereka (tentera Talut) mengalahkan tentera Jalut dengan izin Allah, dan Nabi Dawud membunuh Jalut ...

⁶⁶ Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t., Jilid 3, hlm 168.

ayat hukum dan ayat ini juga tidak menyebut usia sebenar Nabi Dawud ketika menyertai pertempuran tersebut. Kemungkinan Nabi Dawud telahpun meningkat usia remaja ketika itu, kerana dalam pertempuran tersebut Baginda dipanggil “Wahai remaja” oleh Jalut⁶⁸. Malah selepas dari pertempuran tersebut, Nabi Dawud telahpun dikahwinkan dengan anak Talut⁶⁹.

Dari sudut amalan Nabi Muhammad (s.a.w.) pula, Baginda menolak permintaan sebahagian remaja Muslim yang bersukarela untuk menyertai Pertempuran-pertempuran Badar dan Uhud, dan hanya menerima permintaan mereka untuk menyertai pertempuran-pertempuran seterusnya apabila mereka sudahpun menambah usia⁷⁰. Antara yang dihantar pulang oleh Nabi (s.a.w.) adalah ‘Abd Allah ibn ‘Umar yang berusia 13 tahun ketika menemani ayahnya ke Badar⁷¹, kerana dianggap terlalu muda untuk mengambil bahagian dalam permusuhan⁷². Permintaan Ibn ‘Umar untuk menyertai Pertempuran Uhud juga ditolak oleh Nabi, namun 2 tahun kemudiannya Nabi menerima permintaan Ibn ‘Umar untuk menyertai Pertempuran Khandaq⁷³. Jelas dari amalan Nabi ini, Baginda pada asasnya menolak permintaan remaja untuk menyertai pertempuran. Jelas juga bahawa Sahabat-sahabat remaja yang menyertai pertempuran-pertempuran dengan Nabi (s.a.w.) ini melakukannya dengan rela dan mereka tidak dipaksa oleh Nabi atau sesiapa pun.

Berkaitan keizinan ibu bapa, Mu‘awiyah ibn Jahimah datang menemui Nabi Muhammad (s.a.w.) lalu berkata, “Sesungguhnya aku ingin menyertai peperangan, maka aku datang untuk meminta pendapatmu”. Lalu Nabi Muhammad (s.a.w.) bertanya, “Adakah kamu masih mempunyai ibu?” Dia menjawab, “Ya”. Rasulullah s.a.w bersabda, “Pergilah dan berbaktilah kepada ibumu, kerana sesungguhnya syurga berada di bawah kedua-dua kakinya”⁷⁴. Tidak jelas berapa usia Mu‘awiyah ibn Jahimah pada masa itu; jadi, sama ada seseorang itu sudah dewasa atau masih remaja, ajaran Nabi jelas bahawa secara asasnya berbakti kepada ibu bapa lebih utama daripada menyertai jihad bersenjata, yang hukum asalnya merupakan fardu kifayah⁷⁵. Yakni, sekiranya sudah ada sekumpulan Muslim lain

⁶⁷ *Ibid.*; Abu Ja‘far Muhammad ibn Jarir al-Tabari, *Tarikh al-Tabari al-Ma‘ruf bi-Tarikh al-Umam wa-al-Muluk*, suntingan ‘Abda’ ‘Ali Mahana, Beirut: Mu‘assasat al-A‘lami li-al-Matbu‘at, 1418H/1998, Jilid 1, hlm 337; Abu al-Fida’ Isma‘il ibn Kathir, *al-Bidayah wa-al-Nihayah*, Kaherah: Dar al-Taqwa, 1999, Jilid 2, hlm 10.

⁶⁸ al-Qurtubi, *al-Jami‘ li-Ahkam al-Qur’an*, Jilid 3, hlm 168; Ibn Jarir al-Tabari, *Tarikh*, Jilid 1, hlm 337.

⁶⁹ Ibn Jarir al-Tabari, *Tarikh*, Jilid 1, hlm 337; Ibn Kathir, *al-Bidayah wa-al-Nihayah*, Jilid 2, hlm 10; al-Qurtubi, *al-Jami‘*, Jilid 3, hlm 168.

⁷⁰ al-Dawoodi, *Islamic Law*, hlm 112; Zakaria Bashier, *War and Peace in the Life of the Prophet Muhammad*, United Kingdom: The Islamic Foundation, 2006/1427H, Ulangcetak 2007/1428H, hlm 79.

⁷¹ Khalid Muhammad Khalid, *Men around the Messenger*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2005, hlm 110.

⁷² Ibn Kathir, *Battles of the Prophet*, hlm 30.

⁷³ Bashier, *War and Peace*, hlm 79.

⁷⁴ Abu ‘Abd Allah al-Hakim Muhammad ibn ‘Abd Allah ibn Muhammad, *al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, Jilid 2, hlm 114.

⁷⁵ Hukum asal menyertai jihad bersenjata adalah fardu kifayah, berdasarkan Qur’an, 4:95:

yang melaksanakan jihad bersenjata, boleh seorang Muslim itu mengutamakan berbakti kepada ibu bapanya daripada menyertai jihad bersenjata. Namun sekiranya ibu dan bapanya tidak berhajatkan khidmatnya lalu mengizinkannya untuk menyertai peperangan, bolehlah Muslim tersebut melaksanakan jihad bersenjata.

Selain daripada hadis Mu'awiyah ibn Jahimah ini, terdapat hadis tentang seorang lelaki menemui Nabi (s.a.w.) dan meminta izin Baginda untuk menyertai jihad. Lalu Baginda (s.a.w.) bertanya, “Adakah ibu bapamu masih hidup?” Jawabnya, “Ya”, Nabi berkata, “Maka bersungguh-sungguhlah kamu dalam berbakti kepada kedua-dua mereka”⁷⁶. Jika seorang lelaki yang sudah dewasa pun perlu mengutamakan ibu bapanya berbanding jihad bersenjata, apatah lagi seorang remaja.

Hadis Mu'awiyah ibn Jahimah ini juga selari dengan satu lagi hadis riwayat ‘Abd Allah ibn Mas‘ud yang bertanya kepada Nabi (s.a.w.), “Amalan apakah yang paling Allah suka?” Baginda menjawab, “Solat dalam waktunya”. Ibn Mas‘ud bertanya lagi, “Kemudian apa?” Baginda menjawab, “Berbakti kepada kedua ibu bapa”. Ibn Mas‘ud bertanya lagi, “Kemudian apa?” Baginda menjawab, “Berjihad di jalan Allah”⁷⁷. Hadis ini juga menunjukkan berbakti kepada ibu bapa adalah amalan yang lebih utama berbanding berjihad di jalan Allah.

Berkaitan kekuatan atau kemahiran bagi membolehkan seseorang remaja itu bertempur, Nabi menerima permintaan Rafi‘ ibn Khadij, berusia 15 tahun, yang mempunyai reputasi sebagai pemanah tepat dan Samurah ibn Jundub, juga berusia 15 tahun dan yang mengalahkan Rafi‘ dalam bergusti, untuk menyertai Pertempuran Uhud. Samurah ditemani penjaganya semasa membuat permintaan ini⁷⁸.

Antara remaja yang menyertai Pertempuran Badar adalah Mu‘adh ibn ‘Amru ibn al-Jamuh, usianya baru 14 tahun⁷⁹, dan Mu‘awwidh ibn al-Harith⁸⁰, usianya baru 13 tahun⁸¹.

Tidaklah sama keadaan orang-orang Mukmin yang tinggal duduk (tidak turut berperang) tanpa ada keuzuran dengan orang-orang yang berjihad pada jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk dengan kelebihan satu darjat. Dan tiap-tiap satu (daripada dua golongan itu) Allah menjanjikan kebaikan, dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang-orang yang tinggal duduk dengan pahala yang amat besar.

Lihat Fakhr al-Din ‘Uthman ibn ‘Ali al-Zayla‘i al-Hanafi, *Tabyin al-Daqa‘iq* pada jidar *Sharh Kanz al-Daqa‘iq*, suntingan al-Shaykh Ahmad ‘Azr ‘Inayah, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1420H/2000, Jilid 4, hlm 80. Lihat juga al-Ghunaimi, *Muslim Conception*, hlm 141.

⁷⁶ al-Bukhari, *Summarized Sahih*, hadis no. 1288, hlm 611; Abu Dawud, *Sunan*, hadis no. 2529, hlm 390.

⁷⁷ al-Bukhari, *Translation of Sahih Bukhari*, Jilid 4, Bab 52, hadis no. 41, https://www.iium.edu.my/deed/hadith/bukhari/052_sbt.html, dilihat pada 26 Disember 2021.

⁷⁸ Bashier, *War*, hlm 78-79.

⁷⁹ Azrul Azlan Iskandar Mirza, *Perang Badar*, Negeri Sembilan: Al Azhar Media, 2009, hlm 137.

⁸⁰ Mu‘awwidh juga disebut sebagai ibn ‘Afra’, iaitu sempena nama ibunya. Lihat Ibn Jarir al-Tabari, *Tarikh*, Jilid 2, hlm 325.

Kedua-dua remaja ini berhasil menewaskan ketua musuh, Abu Jahal, dalam pertempuran tersebut⁸². Namun, setelah menewaskan Abu Jahal, Mu'adh telah putus tangannya dilibas musuh dengan pedang⁸³, manakala Mu'awwidh pula gugur syahid⁸⁴.

Seorang lagi remaja yang mengambil bahagian dalam permusuhan di Badar adalah 'Umayr ibn Abi Waqqas, ketika itu berusia 16 tahun. Pada mulanya Nabi (s.a.w.) tidak mengizinkan 'Umayr menyertai pertempuran, malah menyuruhnya pulang ke Madinah, tetapi kemudian mengizinkannya setelah melihat kesungguhan 'Umayr untuk menyertai pertempuran. 'Umayr juga syahid di Badar⁸⁵.

Seorang lagi remaja yang syahid di Badar adalah Harithah ibn Suraqah⁸⁶, tetapi tidak dapat dipastikan usia beliau ketika itu. Terdapat hadis bahawa ibu Harithah bertanya kepada Nabi (s.a.w.) sama ada anaknya itu berada di syurga, dan Nabi memberitahunya bahawa Harithah berada di syurga Firdaus yang tertinggi⁸⁷.

Menggalas Tugas Lain di Medan Tempur

Anas ibn Malik merupakan khadam Nabi (s.a.w.) dan menyertai Nabi ke Badar untuk berkhidmat secara peribadi kepada Baginda (s.a.w.)⁸⁸. Anas tidak mengambil bahagian dalam permusuhan di Badar kerana usianya ketika itu yang masih terlalu muda, iaitu kira-kira 11 tahun⁸⁹. Anas meriwayatkan bahawa beliau menyertai Nabi (s.a.w.) ke Khaybar untuk berkhidmat kepada Baginda (s.a.w.)⁹⁰. Pertempuran Khaybar berlaku pada tahun 7H, ketika usia Anas dianggarkan 16 tahun.

Jabir ibn 'Abd Allah pula bertugas membekalkan air untuk para Sahabat pada hari Badar⁹¹. Berusia kira-kira 17 tahun ketika itu, bapanya yang menyertai Pertempuran Badar

⁸¹ Azrul Azlan, *Perang Badar*, hlm 137.

⁸² Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 293; Ibn Jarir al-Tabari, *Tarikh*, Jilid 2, hlm 332; Najeebabadi, *History*, Jilid 1, hlm 161; al-Bukhari, *Summarized Sahih*, hadis no. 1330, hlm 629-630 & hadis no. 1602, hlm 756; Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, hadis no. 2680, hlm 413.

⁸³ Ibn Jarir al-Tabari, *Tarikh*, Jilid 2, hlm 332; Azrul Azlan, *Perang Badar*, hlm 139; Najeebabadi, *History*, Jilid 1, hlm 161.

⁸⁴ Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 296; al-Mubarakpuri, *al-Rahiq al-Makhtum*, hlm 215.

⁸⁵ Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 296.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ al-Bukhari, *Summarized Sahih*, hadis no. 1217, hlm 586; Ibn Kathir, *Battles*, hlm 34-35.

⁸⁸ <http://al-badar.net/kisah-sahabat-anas-bin-malik/>, dilihat pada 29 Jun 2017; Matthew Wallis, "Anas Ibn Malik and contribution to Hadith literature and compilation", http://www.academia.edu/10718670/Anas_Ibn_Malik_and_contribution_to_Hadith_literature_and_compilation, dilihat pada 29 Jun 2017.

⁸⁹ Maktabah Abi Humaid, <https://abihumaid.wordpress.com/2011/02/11/anas-bin-malik-wafat-93-h-2/>, dilihat pada 29 Jun 2017.

⁹⁰ al-Bukhari, *Summarized Sahih*, hadis no. 1248, hlm 597.

⁹¹ Abu Dawud, *Sunan*, hadis no. 2731, hlm 423; <http://www.authentictauheed.com/2012/12/432-hadeeth-number-22.html>, dilihat pada 30 Jun 2017.

memberikannya tugas tersebut agar Jabir dapat menjaga adik-adik perempuannya sekiranya si bapa syahid⁹².

Seksyen IX membincangkan perlindungan yang diberikan oleh Undang-undang Kemanusiaan Islam kepada orang awam dalam sesuatu konflik bersenjata. Orang awam ialah orang-orang yang tidak mengambil bahagian dalam permusuhan. Ini termasuklah orang-orang yang berkhidmat memberi minum kepada penempur, merawat orang yang cedera, atau menjaga harta seperti haiwan ternakan. Mereka sebenarnya dilindungi dan tidak boleh disasarkan.

Menjadi Panglima Perang

Ketika Nabi (s.a.w.) sedang gering, Baginda melantik Usamah ibn Zayd untuk mengetuai satu detasmen yang terdiri daripada Sahabat yang lebih tua seperti Abu Bakr dan ‘Umar ibn al-Khattab untuk menghadapi Rom⁹³. Selepas kewafatan Baginda (s.a.w.), Khalifah Abu Bakar telah meneruskan perancangan Nabi itu. Ketika itu Usamah berusia kira-kira 17 tahun.

Ini menunjukkan bahawa dalam kes-kes yang istimewa, pemimpin negara Muslim boleh melantik panglima perang dari kalangan remaja yang mempunyai kemahiran dan berfikiran strategik dalam bertempur.

Usamah sebenarnya diberi keizinan oleh Nabi (s.a.w.) untuk mengambil bahagian dalam permusuhan buat pertama kali di Pertempuran Khandaq⁹⁴, iaitu ketika beliau berusia kira-kira 12 tahun. Permintaan beliau sebelum itu untuk menyertai Pertempuran Uhud tidak diterima Nabi⁹⁵.

Tiada Paksaan

Seseorang remaja boleh dibenarkan mengambil bahagian dalam permusuhan hanya jika remaja itu rela dan mendapat keizinan ibu bapanya. Ibu dan bapa remaja itu juga hendaklah memberikan keizinan dengan rela. Remaja itu tidak boleh dipaksa untuk mengambil bahagian dalam permusuhan atau direkrut, dan ibu bapanya juga tidak boleh dipaksa untuk memberikan keizinan bagi tujuan itu. Seseorang yang memaksa seseorang remaja atau kanak-kanak mengambil bahagian dalam permusuhan atau merekrut remaja atau kanak-kanak itu secara paksa atau memaksa ibu bapa remaja atau kanak-kanak itu bagi tujuan tersebut

⁹² <http://www.authentictauheed.com/2012/12/432-hadeeth-number-22.html>, dilihat pada 30 Jun 2017.

⁹³ Khalid, *Men around the Messenger*, hlm 402; Ahmad Hatta, *Great Story*, hlm 557-558; al-Mubarakpuri, *al-Rahiq al-Makhtum*, hlm 460-461.

⁹⁴ Bashier, *War*, hlm 79.

⁹⁵ *Ibid*.

sebenarnya menyalahi ajaran Nabi (s.a.w.) seperti disebut dalam contoh-contoh di atas. Nabi (s.a.w.) tidak pernah memaksa mana-mana remaja menyertai pasukan Baginda ke medan tempur.

XI. Kesimpulan

Undang-undang kemanusiaan antarabangsa adalah undang-undang yang mengawal tindakan permusuhan, dan mengatur cara dan kaedah perang. Undang-undang yang terpakai dalam peperangan dan konflik bersenjata ini melindungi orang awam dan objek awam, malah – dalam melarang perbuatan menyebabkan penderitaan tak perlu - melindungi penempur sendiri. Tujuan utamanya adalah untuk melindungi maruah manusia, serta mengehadkan dan menghalang penderitaan pada waktu konflik bersenjata.

Islam telah menyumbang kepada perkembangan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, termasuk dalam menggariskan hukum-hakam yang murni. Ini dapat disimpulkan ketika meneliti ayat-ayat al-Qur'an dan juga hadis serta tingkah laku Baginda Nabi (s.a.w.) ketika menghadapi musuh-musuh Baginda. Terlalu banyak persamaan yang boleh diperhatikan dari aspek asas malah cabang antara undang-undang antarabangsa moden dan undang-undang kemanusiaan Islam.

Oleh yang demikian, orang Muslim yang terbabit dalam permusuhan, sama ada menentang orang bukan Muslim atau orang Muslim lain, hendaklah mematuhi undang-undang kemanusiaan Islam dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.